



جَابَاتَنْ كَمَاجُونَ إِسْلَامِ مَالِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“MASYARAKAT CAKNA, NEGARA SEJAHTERA”

(12 Oktober 2018 / 3 Safar 1440H)

الحمدُ لِلّهِ الَّذِي شَرَحَ صُدُورَ أَهْلِ الإِيمَانِ فَاسْتَقَامُوا عَلَىٰ هُدَىٰ، وَجَعَلَ لِلأُمَّةِ مَنَابِرَ هُدَىٰ بِهِمْ يُقْتَدِي، وَأَضَلَّ مَنْ شَاءَ بَعْدَلِهِ وَحِكْمَتِهِ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا، وَنَشَهِدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ جَعَلَنَا خَيْرَ أُمَّةٍ وَأَنْزَلَ عَلَيْنَا خَيْرَ عِصْمَةٍ، وَنَشَهِدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَ اللَّهِ وَرَسُولَهُ أَرْسَلَهُ اللَّهُ لَنَا رَحْمَةً، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الْخَيْرَةِ الْأَمَاجِدِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ وَإِيمَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ جَلَّ وَعَلا، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَائِدَهُ وَلَا تَمُونُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah ﷺ dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan diredhai disulami dengan rahmat Allah ﷺ yang melimpah ruah dalam sebuah negara yang aman makmur. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “Masyarakat Cakna, Negara Sejahtera”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Prinsip agama Islam selain menjaga hubungan dengan Allah ﷺ (حَبْلٌ مِّنْ سَبَقَ عَلَيْهِ)، kita juga dituntut untuk menjaga hubungan sesama manusia (حَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ). Dalam hal ini, Ibn 'Asyur pernah berkata, “antara *Maqasid Syariah* yang terpenting ialah menjaga sistem kehidupan manusia dan memperbaikinya ke arah kebaikan meliputi aspek pemikiran, pekerjaan serta hubungan sesama manusia bagi mewujudkan kehidupan yang sempurna.” Justeru, mimbar ingin menyatakan bahawa manusia yang dijadikan Allah ﷺ seumpama satu badan, jika sakit satu bahagian anggota maka anggota lain turut merasakannya. Bahkan sifat kasih sayang dan perihatin sesama muslim menjadi penanda aras keimanan seseorang. Sabda Rasulullah ﷺ seperti diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

"لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ"

Mafhumnya: “Tidak beriman seseorang itu sehingga ia mengasihi saudaranya seperti mana ia mengasihi dirinya”

Berdasarkan peringatan Rasulullah ﷺ ini maka mimbar menyeru para jemaah dan umat Islam sekalian agar sentiasa cakna dan prihatin terhadap masyarakat sekeliling khususnya dalam melaksanakan tuntutan “*amr bil ma'ruf*” (menyuruh melakukan kebaikan) dan “*nahi 'an al-munkar*” ke arah mewujudkan umat terbaik (خَيْرُ أُمَّةٍ) bertepatan dengan firman Allah ﷺ di dalam surah Ali 'Imran ayat 110:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ﴾

Maksudnya: “Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada yang mungkar, serta kamu pula beriman kepada Allah.”

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Dalam era globalisasi hari ini, umat Islam harus memperkuatkan prinsip kehidupan bermasyarakat yang prihatin supaya setiap elemen negatif tidak dapat mempengaruhi jiwa dan corak pemikiran khususnya generasi muda. Tuntutan menyuruh kepada “*makruf*” dan mencegah “*kemungkaran*” perlu dijadikan sebagai agenda utama umat Islam dalam pembentukan keperibadian dan kekuatan ummah masa kini. Corak kehidupan individualistik yang mengetepikan kehidupan bermasyarakat perlu dikikis dalam minda umat Islam supaya setiap daripada kita cakna dengan tanggungjawab di antara satu sama lain.

Kekuatan umat Islam dan kesejateraan negara adalah berasaskan kepada kesatuan dan permuafakatan dalam hal ehwal kehidupan sama ada berkaitan ekonomi, politik dan sosial. Apabila berlaku kepincangan salah satu daripada perkara tersebut maka struktur kehidupan umat Islam tidak akan stabil dan menghadapi kegagalan atau kelemahan. Sabda Rasulullah ﷺ menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

"المُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا"

Mafhumnya: “Orang mukmin dengan orang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan. Mereka saling memperkuat antara satu sama lain.”

Bagi memperkuatkan kekuatan ummah maka setiap muslim bertanggungjawab memelihara kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan. Sikap prihatin, tegur menegur, dan bertindak terhadap perkara yang mungkar perlu dilakukan dengan penuh hikmah kebijaksanaan dan secara kolektif, ia bukan sahaja dibebankan kepada individu dan agensi tertentu sahaja. Rasulullah ﷺ telah mengingatkan kita melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله ﷺ يقول: "من رأى منكم مُنكرًا فليغیره بيده، فإن لم يستطع فليسانيه، فإن لم يستطع فقلبه. وذلك أضعف الإيمان."

Mafhumnya: Daripada Abu Said al-Khudry رضي الله عنه berkata aku mendengar Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم bersabda: “Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubah dengan tangan, sekiranya tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, sekiranya tidak mampu, hendaklah dia mengubah dengan hati, dan itu selemah-lemah iman.”

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,

Kekuatan dan ketahanan agama bergantung kepada keperibadian dan corak pemikiran remaja. Mereka adalah pemangkin kepada umat Islam untuk meneruskan perjuangan menegakkan syariah Islam pada masa akan datang. Pergeseran dan perselisihan yang sengit sesama umat Islam masa kini menyebabkan kita kurang prihatin terhadap pembinaan spiritual atau kerohanian remaja. Sedangkan kekuatan kerohanian dan jati diri adalah faktor utama dalam pembentukan personaliti dan corak pemikiran remaja.

Dalam era globalisasi pengaruh kehidupan hedonisme, unsur-unsur lucah dan corak kehidupan yang bertentangan dengan fitrah manusia seperti gay dan lesbian tersebar begitu pantas dalam media massa elektronik. Jika remaja tidak diasuh dengan pendidikan kerohanian dan kefahaman Islam secara serius maka corak pemikiran dan keperibadian remaja lebih cenderung kepada perkara-perkara yang boleh menghakis akidah dan corak kehidupan umat Islam.

Oleh itu, mimbar menyeru para jemaah supaya menunjukkan sikap cakna dan bertanggungjawab kepada setiap individu Islam terutamanya kanak-kanak dan remaja kerana mereka adalah individu yang akan mewarisi syariah dan syiar Islam pada masa hadapan. Islam telah menggariskan panduan utama dalam menjana masyarakat yang cakna iaitu kita hendaklah kita berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar, mengamalkan sikap toleransi dan kesamaan serta menjauhi

segala sifat mazmumah (keji) yang boleh memecah belahkan kekuatan, menghilangkan rasa kasih sayang dan kepercayaan sesama umat Islam.

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH ,

Mengakhiri khutbah ini, mimbar merumuskan bahawa umat Islam perlu sentiasa cakna dan bertanggungjawab terhadap masyarakat sekeliling dengan:

Pertama: melaksanakan tuntutan “*amr ma’ruf*” dan “*nahi mungkar*”

Kedua: Menjana kekuatan kerohanian dan jati diri remaja yang akan mewarisi syariah dan syiar Islam pada masa hadapan.

Ketiga: mematuhi ajaran Islam, mengamalkan sikap toleransi dan menjauhi segala sifat keji.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمُعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah ada dalam kalangan kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.”

(Surah Ali Imran: 104)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَيْنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ . اللَّهُمَّ صَلُّ وَسِّلُّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَبَيْنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ . وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَنَتَّنِي بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحةِ بِقُدْسِهِ . فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ .

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءِلَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ﴾

تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلُّ وَسِّلُمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارَكْ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ .

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَيْهِ بْنُ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكَرِامِ، وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ الْعَظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ . اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كِبَاوِهِ دُولِي يَعْ

مَهَا مُولِياً سَرِيْ قَادُوكَ بِكِينِدا يَعْ دَفْرِتُوانَ اكْنُوْغْ كَلِيمَا بِلسِ .

سلطان محمد كلّما وَعَلَى كُلُّ قَرَائِبِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَضَّ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ。 أَللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرَعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلُوْزَرَائِهِ سَيِّلًا وَمِنْهَا جَاهًا。 وَارْزُقُهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًَا。 أَللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بَلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَةً رَّحِيْةً。

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الشَّرِكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالظُّغَّاَةَ وَالظَّالِمِينَ يَارَبُّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَا فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحْدَ صُنْفُوفَهُمْ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami, kekalkanllah perpaduan di kalangan kami, semuga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿رَبَّنَا لَا تُنْعِنْ قُلُوبِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ﴾

﴿رَبَّنَا إِنَّا فِي الدِّينِ كَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾

عِبَادُ اللهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللهِ أَكْبَرُ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.